

Kes Dirang: 'Manusia berhati haiwan', kata Ketua Polis Johor

MOHD FIRDAUS YON

13 Mac 2012

PASIR GUDANG - "Hanya manusia yang berhati haiwan, kejam dan tidak berperikemanusiaan tergamak menyeksa insan kerdil yang tidak berdosa ini," tegas Ketua Polis Johor berhubung kejadian yang menimpa Allahyarhamah Nurul Nadhirah Abdullah atau Dirang.

Menurutnya, pihaknya akan menyiasat kes berkenaan serapi-rapinya sekali gus membawa individu yang terlibat dalam kejadian berkenaan ke muka pengadilan secepat mungkin.

"Kepergiannya amat tragis dan menyayat hati. Saya berharap ibu bapa dapat mengambil iktibar daripada kejadian ini.

"Saya juga menggesa masyarakat agar mengawasi anak-anak, supaya jangan terdedah kepada ancaman keselamatan sekali gus berwaspada dengan melaporkan kepada polis jika kelihatan mana-mana individu yang mencurigakan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke rumah kanak-kanak berusia lima tahun terbabit di Flet Seri Delima, Bandar Seri Alam, di sini, hari ini.

Turut hadir, isterinya merangkap Pengerusi Persatuan Kebajikan Isteri Polis (Perkep) Johor, Datin Bibi Zakiah Meraslam yang berkesempatan menyampaikan sumbangan kepada ibu Dirang, Roselyn Alan, 25. Mohd Mokhtar berkata, tiga daripada empat suspek yang ditahan oleh pihaknya untuk membantu siasatan positif dadah.

"Dua daripada tiga yang positif dadah ini mempunyai rekod lampau hasil daripada pemeriksaan dilakukan. Seorang daripadanya mempunyai rekod dalam kes dadah, manakala seorang lagi pernah dicekup terlibat dalam kes curi.

"Jadi yang sudah kita cekup adalah empat orang. Tiga daripadanya yang berusia antara 30 hingga 40 tahun terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Kita masih menunggu lagi beberapa laporan daripada Jabatan Kimia," katanya.

Katanya, Polis Johor sedang menyiapkan kertas siasatan secepat mungkin sebelum dimajukan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya.

"Saya sudah mengarahkan Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Ismail Yatim yang mengetuai pasukan khas menyiasat kes ini untuk menyiapkan kertas laporan untuk dihantar kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat.

"Motif kejadian masih dalam siasatan dan benarkan polis melakukan siasatan dahulu," katanya.

Dalam pertemuan sama, Mohd Mokhtar berkata, pihaknya juga sedang berusaha menjejaki individu yang berasal daripada Kelantan kerana melakukan ugutan bagi mendapatkan wang menerusi kerjasama dengan Ibupejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan.

"Saya diberitahu ibu mangsa, Roselyn mendakwa ada menerima satu mesej sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada seseorang dari Kelantan yang mengugut meminta wang. Kita akan minta bantuan daripada polis Kelantan untuk mencekup orang yang menghantar SMS berkenaan.

"Kita akan kesan orang itu seterusnya tangkap dan bawanya ke Johor. Saya juga memberi jaminan Polis Johor akan memudahkan apa jua laporan yang dibuat selain sentiasa bersedia datang ke rumah jika dihubungi," katanya.